



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتر حَالِ اَلْاِءْوَالِ اَلْاِءْمَارِ اَلْاِسْلَامِ فِى سَبَاہِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

10 SYAWAL 1445H/ 19 APRIL 2024M

**MAJLIS TILAWAH AL-QURAN, PLATFORM BANGUN GENERASI  
CAKNA KITABULLAH**

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَأْتِيهَا الْمُرْمِلُ ﴿١﴾ فَمِ الْيَلِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نِصْفَهُ أَوْ أَنْقُصَ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ  
الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾ (المزمل : 1-4)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيَّ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT!**

Marilah kita terus berusaha mengerjakan segala perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan menjauhi segala perkara yang ditegah-Nya.

Salah satu ikhtiar bagi kita mengetahui dan memahami segala suruhan dan larangan Allah SWT dalam mencapai kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat adalah dengan membaca kitab suci al-Quran sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah an-Nisaa' ayat 174:--

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَانٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا ﴿١٧٤﴾

**Maksudnya:** "Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu: Bukti dari Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (Al-Quran sebagai) Nur (cahaya) yang menerangi (segala apa jua yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak)."

Sehubungan itu para jemaah sekalian, bersempena dengan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Sabah bagi tahun 1445H/2024M yang akan bermula pada 24 April dan berakhir pada 26 April ini, mimbar pada hari ini akan mengetengahkan tajuk khutbah ***“Majlis Tilawah Al-Quran, Platform Bangun Generasi Cakna Kitabullah”***.

### **HADIRIN JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!**

Al-Quran ialah Kitabullah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril. Ia adalah sebesar-besar Rahmat dan nikmat yang dikurniakan Allah kepada manusia seluruhnya. Ia diturunkan dengan tujuan yang benar serta menjadi “Huda”, yakni petunjuk dalam segala aspek kehidupan baik daripada sudut akidah, ibadah, akhlak, kisah umat terdahulu dan sebagainya. Maka bagi mengekalkannya dalam kehidupan kita, mukjizat agung itu perlu dipelihara dengan sentiasa membaca dan menghafalnya selain berusaha memahami dan mengamalkan segala ajarannya agar berada di dalam jiwa dan hati kita selaku Muslim.

Dalam hubungan ini, umat Islam sangat dituntut supaya mempelajari al-Quran bermula dengan mengenal huruf agar dapat membacanya dengan baik. Kemudian mengetahui makna ayat-ayat al-Quran dan beramal dengannya. Tuntutan Ini boleh dicapai melalui pembelajaran secara formal di sekolah ataupun madrasah di samping pembelajaran tidak formal di masjid dan surau atau melalui bimbingan atas talian yang dikendalikan oleh mereka yang berkemahiran dalam bidang berkenaan.

Bagi menyemarakkan lagi minat serta kecintaan umat Islam kepada kitab suci yang menjadi panduan ummah, pelbagai majlis atau program yang mengarah kepada usaha memasyarakatkan al-Quran dianjurkan oleh

pihak kerajaan. Antara usaha berkenaan adalah melalui Majlis Tilawah Al-Quran yang diadakan di pelbagai peringkat.

### **JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA!**

Majlis Tilawah Al-Quran secara umumnya merujuk kepada perhimpunan di mana individu berkumpul untuk membaca, memahami, dan menghayati Kalam Allah. Majlis ini memberikan peluang kepada umat Islam untuk memperkuatkan hubungan dengan al-Quran sekali gus memotivasi diri untuk mendalami pengajaran yang terkandung di dalamnya yang merupakan nur untuk kehidupan ini dan sebagai bekalan di akhirat nanti. Bagi kita di negeri Sabah, Majlis tilawah Al-Quran diadakan setiap tahun sebagai usaha berterusan menggalak dan membudayakan minat membaca al-Quran di kalangan masyarakat Islam.

Salah satu objektif utama Majlis Tilawah Al-Quran adalah menanamkan rasa cinta dan cakna terhadap Kitabullah yang mulia dalam hati umat Islam, khususnya di kalangan generasi muda. Dengan menganjurkan sesi tilawah yang disesuaikan untuk mengikut pelbagai kumpulan umur dan tahap kecekapan, serta program-program yang menarik dan interaktif, peserta dapat membina hubungan yang kukuh dengan al-Quran dari usia muda lagi.

Lazimnya, para peserta yang menyertai tilawah di setiap peringkat dinilai dari sudut tajwid, suara, fasahah, seni lagu al-Quran dan persembahan.

### **KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Sesungguhnya membaca al-Quran secara bertarannum mengikut kaedah dan disiplin qiraat al-Quran yang betul adalah sangat dianjurkan. Firman Allah dalam surah al-Muzzammil ayat 1-4:--

يَا أَيُّهَا الْمَزْمُلُ ﴿١﴾ قُمْ أَلَيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ تَصَفَّهُ أَوْ أَنْقِصْ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ  
الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang yang berselimut!. Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat), iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu, Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil".”

Lantaran itu, Rasulullah SAW menggalakkan umatnya agar membaca al-Quran dengan teratur iaitu bertajwid, bertaranum dengan suara yang merdu. Malah, Baginda juga membaca al-Quran dengan suara yang merdu.

Rasulullah SAW juga turut memuji sahabatnya yang membaca al-Quran dengan baik. Pernah satu ketika baginda mendengar Abu Musa al-Asyari membaca al-Quran dengan suara yang merdu lalu baginda bersabda yang **bermaksud:** “Sesungguhnya kamu dianugerahkan seruling dari seruling keluarga Daud A.S.” (HR Bukhari dan Muslim)

Dengan hal yang demikian, sempena majlis tilawah yang diadakan setiap tahun, sepatutnya kita selaku umat Islam memberi perhatian mengikuti bacaan peserta. Cuba fahami maksud ayat yang dibaca melalui terjemahan yang dipaparkan di skrin. Mereka yang mendengar dengan khusyuk dan mengambil pengajarannya akan beroleh rahmat sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-A'raaf ayat 204:--

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

**Maksudnya:** *“Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.”*

## **SAUDARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT!**

Majlis Tilawah Al-Quran juga berfungsi sebagai platform untuk membangun komuniti madani dan mempertahankan kebersamaan. Tanpa mengira umur, latar belakang, atau kewarganegaraan, individu berkumpul dalam perhimpunan-perhimpunan ini bersatu dalam cinta yang sama kepada al-Quran sekaligus sebagai wadah pengukuhan silaturahim tanpa batasan wilayah, etnik, budaya dan bahasa.

Rasulullah SAW ada berpesan melalui sabdanya yang **bermaksud:**

*"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, jika kamu berpegang kepadanya kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu al-Quran dan sunnahku".* (HR Imam Malik)

Menyimpul khutbah minggu ini, adalah diharapkan agar Majlis Tilawah Al-Quran dapat terus berperanan; Antaranya yang **pertama** sebagai cahaya yang menerangi hati dan minda umat Islam dengan isi kandungan pengajaran di dalamnya. **Keduanya** dengan memupuk generasi yang sangat terhubung dengan al-Quran, maka majlis tilawah ini dapat menyumbang kepada perkembangan spiritual, intelektual, dan moral individu dan komuniti. Ketiga, semoga Majlis Tilawah Al-Quran terus menginspirasi dan membudayakan generasi-generasi akan datang dalam perjalanan mencari pengetahuan dan panduan dari Firman Allah SWT. Selaras dengan penjelasan Allah SWT dalam surah Fatir ayat 29-30:--

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْتَجُونَ  
تِجْرَةً لَّان تَبُورَ ﴿٢٩﴾ لِيُؤْفِقَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۗ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian; Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## تیکس خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
.اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ.اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى  
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ  
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.



Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan, serta menangkanlah mereka dengan bantuan bala tentera-Mu yang tidak terduga oleh mereka.

*Ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami, hujan yang lebat merata, mengairi, menyuburkan, bermanfaat tanpa mencelakakan, turunkanlah hujan di sekitar kami, turunkanlah hujan ke dataran tinggi, gunung-ganang, bukit-bukau, lembah, dan tempat tumbuhnya pepohonan.*

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
[Tel:088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)